

Belum pasti Anwar masuk Kabinet

Sinar Harian - 24/11/2019 m/s: 4

FOTO: BERNAMA

Dr Mahathir menegaskan segala kemungkinan boleh berlaku

TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN dan MOHD AZLIM ZAINURY

PUTRAJAYA

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad masih belum membuat sebarang keputusan sama ada memasukkan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim ke dalam barisan Kabinet baharu atau tidak.

"Belum buat sebarang keputusan," katanya.

Menurutnya, segala kemungkinan boleh berlaku.

"Segalanya mungkin berlaku," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) di sini semalam.



Dr Mahathir (duduk di tengah) pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Presiden PH di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya semalam.

Anwar yang turut bersama pada sidang akhbar itu terus mencelah bahawa beliau tidak memohon jawatan dalam Kabinet.

"Saya tidak mohon," katanya.

Dr Mahathir berkata, menteri-menteri Kabinet sedia ada juga tidak membantah untuk pembentukan barisan baharu.

"Mereka tidak kata jangan rombak saya," selorohnya.

Ketika ditanya mengenai perjumpaan dengan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada mesyuarat Kabinet kelmarin, beliau berkata, antara yang dibincangkan adalah masalah semasa yang dihadapi kerajaan.

"Saya maklumkan kepada baginda situasi terkini negara, masalah yang dihadapi dan kerajaan belum bebas melaksanakan apa

yang dirancangan," katanya.

Isu rombakan Kabinet apabila Dr Mahathir berkata akan mempertimbang merombak Kabinet susulan kekalahan teruk pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai.

Dr Mahathir bagaimanapun menafikan tuduhan sesetengah pengundi Melayu dan Cina bahawa PH dikuasai DAP termasuk

dirinya 'memperkuatkan' parti tersebut.

Beliau memberi gambaran bahawa tuduhan tersebut telah menyebabkan PH kehilangan banyak sokongan daripada pengundi Melayu dan Cina, seterusnya tewas dalam jumlah majoriti yang besar.

"Kita semua sedar bahawa keputusan buruk ini sebagai satu amaran kepada parti bahawa banyak perkara kita lakukan tidak di-

senangi rakyat terutamanya berkenaan isu kos sara hidup dan macam macam lain," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, PH telah melakukan post-mortem bagi mengenal pasti punca sebenar kekalahan PRK Parlimen Tanjung Piai namun enggan mendedahkan perkara itu.

"Jadi kita telah dengar satu taklimat berkenaan dengan post-mortem untuk PRK ini dan kita ambil ingatan dengan teguran yang telah dibuat.

"Tapi saya tidak boleh cerita kepada 'press' apa teguran, apa yang perlu kita lakukan tetapi masing masing tahu tentang kesalahan masing masing dan kita akan ambil tindakan mengatasinya," katanya.

Pada PRK Tanjung Piai yang berlangsung 16 November lalu, calon Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Wee Jock Seng menang dengan majoriti besar iaitu 15,086 undi.

Beliau mendapat 25,466 undi manakala calon PH iaitu Karmaine Sardini daripada Bersatu hanya memperoleh 10,380 undi.